

Dr M terus persoal penjualan Agusta

BH - 2/4/2006

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah Proton menjual pemilikannya dalam MV Agusta SpA (Agusta) pada harga satu euro (RM4.50) menggambarkan pengurusan syarikat itu tidak berpengetahuan dalam bidang teknikal terutama kejuruteraan.

Beliau berkata, sesiapa saja yang berpengetahuan dalam industri automotif tentunya akan bersetuju bahawa syarikat motosikal mempunyai keupayaan dalam bidang kejuruteraan, sekali gus dapat menyumbang kepada pembangunan industri.

"Pembelian Agusta adalah keputusan yang baik kerana ia dibuat selepas menjalankan kajian terperinci termasuk yang dijalankan Khazanah Nasional Bhd, bukannya keputusan lembaga pengarah atau Ketua Pegawai Eksekutif Proton saja," katanya selepas menyampaikan ucapan utama di Forum Keamanan anjuran Soroptimist International Wilayah Malaysia (Sirom) di sini, semalam.

Sebelum ini, Pengerusi Proton, Datuk Mohammed Azlan Hashim berkata, pembelian Agusta adalah pengalaman pahit bagi Proton.

Ketika membeli MV Agusta, pengurusan Proton ketika itu berpendapat, pembelian syarikat yang hampir muflis dan berada di bawah perlindungan mahkamah, akan memberi Proton akses kepada teknologi tertentu serta membantu mempelbagaikan sumber pendapatannya. Bagaimanapun, ia tidak tercapai.

MV Agusta dengan kerugian terkumpul lebih 118 juta euro sejak enam tahun lalu hanya mencatatkan purata jualan sekitar 14,000 unit setahun, sedangkan untuk membolehkannya beroperasi pada tahap pulang modal perlu mengeluarkan 43,000 unit setahun.

Mengenai penurunan harga kereta tempatan dan luar negara berikutan perubahan struktur cukai eksais dan import baru dalam Dasar Automotif Negara (DAN), Dr Mahathir berkata, dasar itu tentunya akan menyumbang kepada peningkatan jumlah kenderaan di jalan raya.

Apabila ditanya sama ada harga kereta keluaran Proton Holding Bhd (Proton) boleh diturunkan lagi, beliau yang juga Penasihat Proton dengan ringkas menjawab, "Boleh turun lagi."